



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MEJAR NORHANA BTE ABD MANAF TUDM
MENGENAI KEJAYAAN DAN PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI JURUTERBANG
HELIKOPTER PERTAMA WANITA TUDM**

**DISEDIAKAN OLEH:
BASIRAH BTE ABD AZIZ
MUHAMMAD IZZUDDIN BIN ABD RAHMAN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS
IMR 604- DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05
(SEP 2013 - JAN 2014)**

PENGHARGAAN



Alhamdulillah. Syukur kehadiran Illahi kami telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dengan keizinan-Nya dapat kami menyiapkan tugas yang telah diberikan mengenai penulisan transkrip bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasikan Sejarah Lisan yang diberikan kepada kami dengan jayanya dalam waktu yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Mejar Norhana bte Abd Manaf TUDM yang sudi meluangkan masa untuk sesi temuramah dan memberikan kerjasama yang amat baik dalam menghasilkan transkrip temubual ini. Segala maklumat yang diberikan mengenai pengalaman dan sumbangan menjadi juruterbang helikopter pertama TUDM sangat membantu dalam menghasilkan penulisan transkrip ini. Selain itu, ucapan terima kasih kepada keluarga Mejar Norhana bte Abd Manaf kerana telah memberikan kerjasama dan layanan yang amat baik sepanjang proses temubual ini dilakukan.

Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada kedua-dua ibubapa kamu yang banyak memberi sokongan moral, dorongan dan nasihat kepada kami. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada pensyarah, Puan Azura Bte Abd Jamil @ Kamarudzaman, rakan-rakan dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu kami sepanjang menjayakan penulisan transkrip ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN



ABSTRAK	1
Pengenalan	2
1.1 Sejarah Tentera Udara Diraja Malaysia	3
1.1.1 Permulaan	3
1.1.2 Pemodenan	6
1.1.3 Pesawat TUDM	9
1.1.4 Organisasi TUDM	12
1.1.5 Pemerintah di TUDM	13
1.1.6 Peranan TUDM	33
1.2 Sejarah Helikopter	34
1.1.2 Jenis-jenis Helikopter	37
1.2.1.1 Helikopter U.S. Army CH137	37
1.2.1.2 Helikopter Bell Textron 206B-3 JetRanger III	38
1.2.1.3 Helikopter V-22 Osprey	39
1.2.1.4 Helikopter Sikorsky S-92A	40
1.2.1.5 Helikopter CH-47	41

ABSTRAK

ABSTRAK: *Mejar Norhana bte Abd Manaf seorang Anggota Tentera Udara di Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bermula pada tahun sembilan belas Sembilan puluh lima sehingga sekarang iaitu dua ribu tiga belas (1995 – 2013). Beliau merupakan juruterbang helikopter pertama wanita di TUDM. Semasa beliau menjadi juruterbang banyak pengalaman dan sumbangan yang telah dilakukan oleh beliau. Sebelum dianugerahkan Sayap Penerbangan, beliau memikul tanggungjawab sebagai seorang pembantu juruterbang nuri. Antara pengalaman beliau adalah bermalam di Pos Titom kawasan perkampungan orang asli, pengalaman mencari dan menyelamatkan pesawat terhempas, pengalaman mengalami kemalangan pesawat di Kem Mahkota Kluang, dan pengalaman mendarat di atas kapal USA Harper's Ferry dan latihan simulator di Northway serta UK [united kingdom]. Selain itu, banyak cabaran yang pernah dilalui sepanjang memikul tanggungjawab sebagai juruterbang helikopter pada ketika itu. Namun, beliau tidak berpatah semangat dalam meneruskan perjuangan di dalam TUDM ini.*

Kata kunci: juruterbang helikopter, pembantu juruterbang nuri, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Sayap Penerbangan

1.0 PENGENALAN

Juruterbang, *Aviator* merupakan seorang yang menerbangkan sebuah pesawat udara untuk tujuan keselamatan atau pekerjaan. Juruterbang juga orang yang bertanggungjawab untuk mengemudikan pesawat terbang. Sebagai sebuah profesi yang menuntut keahlian dan skill dalam mengemudikan sebuah pesawat, seorang pilot harus menempuh ujian resmi yang diadakan oleh sekolah penerbangan.



Gambar 1 : juruterbang pesawat wanita